

07/01/2003

Perkhidmatan awam Johor telus

Peguam Rakyat

MASALAH berurusan di pejabat tanah di seluruh negara yang didedahkan Berita Harian tahun lalu, menarik perhatian ramai pihak.

Pertama, masalah ini mungkin disebabkan kepincangan perkhidmatan seperti yang dilaporkan termasuk soal kekurangan pegawai, kakitangan bercuti dan layanan tidak mesra, malah ada yang mengaitkannya dengan gejala rasuah serta birokrasi pentadbiran.

Mengikut laporan, kerehah ini bukan olok-olok, sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil berat masalah ini dan menyatakan kesediaan memantau apa yang berlaku di pejabat tanah.

Kita berharap usaha ini benar-benar dapat dilakukan kerana orang ramai mengharapkan perubahan yang membawa kebaikan dari segi kecekapan, layanan dan kemesraan di pejabat tanah.

Perkhidmatan pejabat tanah atau mana-mana pejabat sekalipun sebenarnya berkait rapat dengan kakitangannya.

Kakitangan cekap atau lembap, malas atau rajin dan sikap positif atau negatif adalah di antara faktor yang menyumbang kepada kelancaran sesuatu perkhidmatan.

Soal kecekapan dan ketelusan inilah yang menjadi nadi dalam memastikan satu-satu perkhidmatan itu berkesan atau sebaliknya.

Dalam hal ini saya ingin berkongsi amalan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor sejak beberapa tahun lalu.

Sebagai rakyat Johor, saya bertuah kerana ada perkembangan positif dalam usaha kerajaan negeri menyediakan pentadbiran awam yang telus dan terbuka. Ini membawa kepada sikap amanah serta dengan sendirinya mendorong kepada peningkatan kecekapan perkhidmatan awam.

Misalnya, Kerajaan Johor menyediakan buku panduan prosedur jabatan kerajaan dalam memberi maklumat cara untuk menyelesaikan sesuatu urusan.

Satu lagi usaha ke arah perkhidmatan cemerlang ialah langkah Kerajaan Johor mewajibkan ketua jabatan melayani orang ramai tanpa temu janji pada setiap Sabtu.

Saya sendiri pernah terserempak dengan seorang penduduk yang selepas beberapa tahun gagal mendapat geran tanahnya, berjaya memperolehnya dengan sekali bertemu ketua jabatan pada tahun pertama program pengurusan bertemu rakyat dilaksanakan pada 1998.

PEGUAM RAKYAT,
Johor Bahru, Johor.